

21 SEP 2002

Mahathir-Kastam

TINGKAT ILMU PENGETAHUAN DAN ICT, KATA DR MAHATHIR

MELAKA, 21 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahukan setiap kakitangan kerajaan terus berusaha meningkatkan keupayaan masing-masing dengan memburu ilmu pengetahuan selain memahirkan diri dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Beliau berkata dalam sebuah negara maju dengan gagasan e-Perdagangan, setiap individu berperanan tanpa mengira pangkat dan jawatan.

"Mereka yang gigih berusaha dan cekap akan tetap mendapat kejayaan dan imbuhan. Idea akan menjadi satu aset yang penting dan idea tidak semestinya datang dari orang atasan sahaja dalam mana-mana pertubuhan, organisasi dan jabatan," katanya dalam kata-kata aluan sempena Konvensyen Pegawai Kastam dan Persidangan Perwakilan dwi-Tahunan ke-14 Kesatuan Pegawai-pegawai Kastam Semenanjung Malaysia (KPPKSM).

Konvensyen empat hari itu bermula Isnin di sini.

Menurut Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan, Jabatan Kastam dengan lebih 11,000 anggota merupakan satu unit yang penting dalam pentadbiran kerajaan.

"Bagi sebuah negara yang pesat membangun seperti Malaysia, tentunya peranan Jabatan Kastam meningkat sejajar dengan kerancakan aktiviti perindustrian, perniagaan dan perdagangan," katanya.

Perdana Menteri juga gembira dengan peranan yang dimainkan oleh KPPKSM yang begitu gigih berusaha meningkatkan taraf hidup dan kemajuan kerjaya anggota-anggotanya.

-- BERNAMA

NO MOZ